

# Bisnes



PENARIKAN sepenuhnya sekatan pergerakan dan pembukaan semula ekonomi dijangka meletakkan semula Malaysia pada landasan pemulihan lebih pantas.

## PERTUMBUHAN EKONOMI MALAYSIA TAHUN INI

# BANK DUNIA UNJUR BERKEMBANG 5.5%

Oleh Mohd Zaky Zainuddin  
zaky@bh.com.my

### Kuala Lumpur

**B**ank Dunia yakin ekonomi Malaysia berkembang 5.5 peratus tahun ini disokong pemulihan kukuh dari segi penggunaan, sekali gus berada dalam lingkungan unjuran rasmi kerajaan iaitu pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) antara 5.3 hingga 6.3 peratus.

Pengaruh Negara Bank Dunia bagi Brunei, Malaysia, Filipina dan Thailand, Ndiame Diop berkata, penarikan sepenuhnya sekatan perge-

rakan dan pembukaan semula ekonomi dijangka meletakkan semula Malaysia pada landasan pemulihan lebih pantas.

Katanya, konsolidasi fiskal untuk menyokong pemulihan inklusif di seluruh negara perlu kekal sebagai keutamaan, namun perlu dilaksanakan secara beransur-ansur.

“Memandangkan pemulihan menjadi lebih kukuh, dasar perlu memfokus semula dalam menangani kesan fiskal krisis Covid-19 melalui peningkatan kutipan hasil dan kecekapan perbelanjaan yang lebih besar.

“Selain membina semula penampakan fiskal, peluang

pertumbuhan baharu boleh direbut dalam dunia pasca-pandemik.

“Sebagai contoh, Malaysia boleh meningkatkan usaha untuk menangani beberapa kekangan utama yang dihadapi oleh pembangunan sektor perkhidmatan dan menggiatkan semula pelaburan swasta,” katanya dalam Laporan Bank Dunia, *Catching Up: Inclusive Recovery & Growth for Lagging States* yang dikeluarkan, semalam.

Dalam sidang media selepas pelancaran laporan terkini, Ketua Ahli Ekonomi, Makroekonomi, Perdagangan dan Pelaburan Bank Dunia, Dr Apurva Sanghi,

berkata, KDNK Malaysia melepasi paras sebelum pandemik dari aspek *output* pada suku keempat 2021 sebelum terus berkembang pada suku pertama 2022 kepada 5.0 peratus.

Katanya, pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka akan dipengaruhi pelbagai risiko termasuk krisis Rusia-Ukraine, dasar sifar Covid-19 China dan kenaikan kadar faedah oleh Amerika Syarikat (AS).

“Pertumbuhan ekonomi Malaysia diunjurkan pada 5.5 peratus tahun ini, sebelum menyederhana kepada 4.5 peratus pada 2023 dan 4.4 peratus pada 2024,” katanya.